



## SIARAN MEDIA

### **HUTAN SIMPAN LENGGOR DAN MERSING SIMPAN KHAZANAH BIODIVERSITI BERTARAF ANTARABANGSA**

---

**MERSING, JOHOR | 22 MEI 2026** – Hutan Simpan Lenggong dan Hutan Simpan Mersing di Johor terbukti menyimpan khazanah biodiversiti bertaraf antarabangsa apabila pelbagai spesies flora dan fauna unik berjaya direkodkan menerusi Eksplorasi Biodiversiti di Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) Hutan Simpan Lenggong dan Hutan Simpan Mersing yang berlangsung dari 18 hingga 22 Mei 2026 di Politeknik Mersing, Johor.

Program anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu menghimpunkan seramai 78 orang penyelidik dan pakar biodiversiti daripada institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta organisasi antarabangsa termasuk Copenhagen Zoo Malaysia.

Majlis Perasmian Penutupan eksplorasi tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Yang Berusaha Tuan Mohd Syahrir Azrin bin Salleh. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa kawasan Hutan Simpan Lenggong dan Hutan Simpan Mersing masih mempunyai potensi besar sebagai pusat penyelidikan biodiversiti negara

serta menyimpan banyak khazanah alam yang belum diterokai sepenuhnya.

Sepanjang eksplorasi dijalankan, penyelidik berjaya merekodkan pelbagai spesies flora dan fauna penting termasuk tumbuhan karnivor, orkid liar, tumbuhan herba, tumbuhan akuatik, serangga, amfibia, reptilia, burung dan mamalia liar yang menjadi indikator utama kepada keseimbangan ekosistem hutan tropika negara.

Antara spesies yang berjaya direkodkan termasuk *Nepenthes rafflesiana*, *Nepenthes gracilis*, *Scaphochlamys johorensis*, *Bulbophyllum macranthum*, Kuang Raya (*Great Argus*), Enggang Badak (*Rhinoceros Hornbill*), Tapir Malaya (*Tapirus indicus*) serta Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*). Penemuan ini memperlihatkan kepentingan Hutan Simpan Lenggor dan Hutan Simpan Mersing sebagai habitat penting biodiversiti bernilai tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Eksplorasi ini turut menjadi platform kerjasama strategik antara kerajaan, institusi akademik dan komuniti setempat dalam memperkukuh usaha pemuliharaan biodiversiti negara. Melalui program ini juga, satu *Letter of Intent (LoI) Living Lab Central Forest Spine Hutan Simpan Lenggor dan Hutan Simpan Mersing* telah dimeterai antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan UTHM bagi memperkasa penyelidikan, pendidikan, inovasi dan pembangunan kapasiti berkaitan biodiversiti dan pengurusan hutan lestari.

Selain itu, pelancaran inisiatif *Sahabat CFS* melibatkan sembilan buah kampung di daerah Kluang dan Mersing turut diadakan sebagai usaha memperkukuh penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan rangkaian ekologi negara. Penduduk setempat akan berperanan sebagai “mata dan telinga” kerajaan dalam membantu melindungi khazanah hutan negara daripada ancaman pencerobohan dan kemusnahan alam sekitar.

Menerusi hasil penemuan dan penyelidikan daripada eksplorasi ini, JPSSM akan menerbitkan dalam bentuk prosiding dan buku dokumentasi biodiversiti bagi menyokong penganjuran Seminar Eksplorasi Biodiversiti CFS Lenggong-Mersing yang dijangka diadakan pada tahun 2027.

Penganjuran eksplorasi ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan pengurusan hutan secara lestari, memperkukuh konservasi biodiversiti serta menjadikan CFS sebagai aset strategik negara yang perlu dipelihara demi kesejahteraan generasi masa hadapan.

**TAMAT**

**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**22 MEI 2026**



---

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia  
Tel: 03-2616 4488 | [webmaster@forestry.gov.my](mailto:webmaster@forestry.gov.my)



jpsm